

**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 4 TAHUN 1989

BAYARAN PAKAIAN ISTIADAT

1. TUJUAN

1.1 Tujuan Pekeliling ini adalah untuk memaklumkan mengenai keputusan Kerajaan meminda kadar dan tempoh kelayakan Bayaran Pakaian Istiadat.

2. BAYARAN PAKAIAN ISTIADAT

2.1 Kerajaan telah menyemak semula kadar dan tempoh kelayakan Bayaran Pakaian Istiadat kepada pegawai perkhidmatan awam dan seterusnya bersetuju untuk menaikkan kadar tersebut daripada \$500/- kepada \$750/- serta meminda tempoh kelayakan bayaran daripada 10 tahun kepada 3 tahun. Berikutan dengan keputusan ini, peruntukan mengenai Bayaran Pakaian Istiadat seperti yang dibekalkan di perenggan 3.6 (a) dan (b) Lampiran "C", Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9/1980 adalah dipinda seperti berikut:

- (a) Bayaran Pakaian Istiadat sebanyak \$750/- adalah diberi sekali dalam tempoh tiga (3) tahun kepada pegawai dalam Bahagian I yang dikehendaki memakai pakaian seragam istiadat.
- (b) Pegawai yang telah diberi bayaran ini di bawah peraturan lama adalah dibenarkan menuntut bayaran untuk membuat pakaian istiadat yang baru apabila cukup 3 tahun.

3. TARIKH KUATKUASA


3.1 Pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai dari tarikh keluarannya.

4. PEMBATALAN

4.1 Dengan berkuatkuasanya Pekeliling ini, perenggan 3.6 (a) dan (b), Lampiran "C", Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9/1980 adalah dibatalkan.

5. AM

Jika terdapat apa-apa keraguan semasa melaksanakan Pekeliling Perkhidmatan ini Ketua-ketua Jabatan adalah diminta supaya menghubungi Bahagian Gaji dan Elaun, Jabatan ini.



(TAN SRI DATO' ALWI JANTAN)
*Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia*

Tarikh: 1 Ogos, 1989.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.

Semua Ketua Jabatan Persekutuan.

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri.

s.k.

Semua Ketua Pengurusan Badan-Badan Berkanun.

Semua Ketua Pengurusan Kuasa-Kuasa Tempatan.